

MAJLIS BERBUKA PUASA: KUKUHKAN HUBUNGAN

Sabtu, 21 Ogos 2010 - Bertempat di Kudat Golf Marina Resort, Sekolah Perubatan telah menganjurkan Majlis Berbuka Puasa Bersama Pejabat Kesihatan Bahagian Kudat dan Hospital Daerah Kudat . Program yang julung kali diadakan ini adalah bagi meraikan kerjasama dan sebagai satu wadah kepada interaksi yang berterusan dan mantap di antara Sekolah Perubatan, Pejabat Kesihatan Bahagian Kudat dan Hospital Daerah Kudat.

Program ini telah dihadiri oleh kakitangan akademik dan sokongan Sekolah Perubatan, kakitangan Pejabat Kesihatan Kudat dan kakitangan Hospital Kudat. Para jemputan mengambil tempat pada jam 5.00 petang, dan beramah-mesra sementara menunggu

waktu berbuka puasa. Majlis dimulakan dengan ucapan aluan oleh Dekan Sekolah Perubatan, Prof Dr Osman Ali. Setelah itu, ucapan balas telah disampaikan oleh Dr Muhammad Hj Jikal, Pegawai Kesihatan Bahagian Kudat dan Dr Prabakaran Dhanaraj, Pengarah Hospital Kudat.

Majlis diakhiri dengan penyerahan sijil penghargaan sebagai lambang ikatan kuat antara penganjur, Klinik Kesihatan dan Hospital yang terlibat. Setelah azan mula berkumandang, majlis berbuka puasa dimulakan dengan bacaan do'a oleh Encik Mohd Rodzie. Semoga majlis yang ringkas ini dapat mengeratkan lagi hubungan kerjasama antara Universiti Malaysia Sabah dan Masyarakat Kudat amnya.

Oleh: Zulfadhllee